

TARIKH : 13 OKTOBER 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

## Reformasi subsidi beri kesan besar pada rakyat

Jika kerajaan tersilap langkah, ia boleh menyebabkan harga barangan meningkat

# Reformasi subsidi beri kesan besar pada rakyat

Oleh **TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN  
PUTRAJAYA**

**K**erajaan dijangka berdepan dengan cabaran pelaksanaan reformasi dan rasionalisasi subsidi kerana ia memberi kesan yang besar kepada rakyat.

Penganalisis ekonomi, Professor Emeritus Dr Barjoyai Bardai berkata, kerajaan perlu lebih cermat dalam melaksanakan pelan rasionalisasi subsidi meskipun ia telah bermula secara berperingkat.

Sekiranya kerajaan tersilap langkah, ia akan memberi kesan kepada peningkatan harga barangan.

"Sekiranya rasionalisasi subsidi melibatkan bahan api dilaksana sekarang, ia akan menjejaskan banyak pihak," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Khamis.



BARJOYAI



Berdasarkan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2022, kerajaan memperuntukkan subsidi RM60.6 bilion ke atas bahan api dan elektrik.

Ia adalah enam kali ganda jika dibandingkan dengan subsidi pendidikan RM10 bilion dan 14 kali ganda berbanding kesihatan iaitu RM4.4 bilion.

Menurutnya, implikasi rasionalisasi subsidi bahan api akan menyebabkan kenaikan harga barangan serta-merta berikutan ia digunakan secara meluas oleh pihak industri.

"Jadi itu perlu ditangguhkan kita mulakan dengan (perkara) mudah dahulu," katanya.

Beliau berkata, bagi me-



Pelaksanaan reformasi dan rasionalisasi subsidi perlu dilakukan dengan berhati-hati kerana ia boleh membebankan rakyat sekiranya berlaku kenaikan harga barangan. - Gambar hiasan

ngurangkan subsidi bahan api, kerajaan boleh melaksanakan rasionalisasi ke atas petrol dengan menyasarkan kepada kumpulan tertentu.

"Ada *hint* (petunjuk) mengatakan pendapatan kurang daripada RM3,000 layak menikmati subsidi petrol dengan memperkenalkan kad," kata-

nya. Senada dengan Barjoyai, Penganalisis ekonomi, Dr Baayah Baba berkata, rasionalisasi subsidi kurang sesuai dilaksanakan pada masa ini.

"Apabila rasionalisasi dilaksanakan, subsidi ini akan menghalang terus kepada golongan B40 dan M40 tetapi kerajaan tidak boleh meminggirkan golongan T20 sedangkan mereka menyumbang lebih daripada 60 peratus hasil cukai pendapatan kepada negara.

"Jika tidak mereka terasa dianaktirikan," katanya.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan golongan berpendapatan tinggi atau T20 tidak lagi akan menerima manfaat subsidi elektrik dan haji sebagai salah pelan rasionalisasi.

Selain itu, kerajaan juga sedang membangunkan Pangkalan Data Utama (PADU) supaya dapat mengurus dan menyelaras penilaian agihan subsidi kepada golongan yang layak.